

Danaharta elak bank jual TRI lebih awal

11M 2 MAY 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 1 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan sekiranya tiada campur tangan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. (Danaharta) mengambil alih hutang Tan Sri Tajudin Ramli, sudah tentu awal lagi bank akan menjual syarikatnya Technology Resources Industries Bhd. (TRI).

Menurut Perdana Menteri, syarikat itu (TRI) bukan milik Tajudin sebenarnya, “sebab bila berhutang dengan bank, separuh milik kita adalah milik bank”.

“Jika tidak (Danaharta mengambil alih hutang Tajudin), awal-awal lagi bank akan jual ikut suka hati dia untuk dapat balik hutang.

“Oleh itu, apabila tidak mampu bayar kepada bank, dia kena isytiharkan dia tak mampu dan kena jual kepada Danaharta,” jelasnya kepada pemberita selepas berucap pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2002 Bagi Anggota Sektor Awam di Intan Bukit Kiara di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, apa yang sebenarnya berlaku ialah semasa ekonomi baik, ramai peniaga berhutang tanpa mengambil kira kemungkinan risiko kerugian.

“Apabila ekonomi jatuh, banyak syarikat yang berhutang menghadapi masalah,” jelas beliau.

Dr. Mahathir ditanya pandangannya sama ada kegagalan Tajudin menguasai TRI selepas kepentingan syarikat yang diasaskannya dibeli oleh Telekom Malaysia Bhd. (Telekom Malaysia), menandakan kegagalan korporat Melayu dalam perniagaan.

Beliau menambah, apabila sesebuah syarikat mengalami kerugian kerana sebab tertentu, iaitu kali ini kerana ekonomi meleset, maka mereka tetap mengalami masalah.

Perdana Menteri seterusnya menjelaskan kehilangan penguasaan Tajudin dalam TRI tidak bermakna kejatuhan korporat Melayu.

Hakikatnya, kata beliau, tidak semua korporat Melayu mengalami kejatuhan kerana masih ada yang mampu bertahan

ketika kegawatan ekonomi malahan berjaya menguruskan kewangan mereka dengan yakin.

Dalam hubungan ini, beliau memberi contoh terdapat seorang rakyat Malaysia berketurunan Melayu menjadi pemaju hartanah yang berjaya di Bosnia-Herzegovina.

“Dia tidak buat (perniagaannya) di Malaysia, dia tak minta apa-apa pun (dari pada kerajaan), tetapi boleh berjaya.

“Kita juga tidak menganggap ia (kegagalan Tajudin) menandakan keruntuhan empayar perniagaan Tajudin,” katanya.

Pada 29 April lalu, anak syarikat Telekom Malaysia, Telekom Enterprise Sdn. Bhd. (TESB) membeli kepentingan Tajudin dalam TRI menerusi pembelian daripada Danaharta.

Ia melitinkan 260.87 juta saham TRI atau 13.14 peratus secara tunai dengan harga RM717 juta RM2.75 sesaham.

TRI juga adalah syarikat yang menguasai Celcom (Malaysia) Bhd. (Celcom), syarikat telekomunikasi kedua terbesar di negara ini.